

KHUTBAH JUMAAT

“ FADHILAT MENGHAFAL AL-QURAN “ (22 Februari 2019M/ 17 Jamadilakhir 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧٠﴾

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh keredhaan Allah dan tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang bertakwa. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**Fadhilat Menghafal Al-Quran**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sejarah hafazan al-Quran bermula semasa penurunannya kali pertama pada 17 Ramadhan ketika Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berumur 40 tahun semasa baginda beribadah di Gua Hira'. Baginda yang merupakan penghulu para penghafal al-Quran

menerima wahyu al-Quran daripada Allah *subhanahu wata'ala* melalui perantaraan malaikat Jibril *alaihissalam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Takwir, ayat 19 hingga 21;

إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾ ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾ مُطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾

Maksudnya : Sebenarnya Al-Qur'an itu, sungguh-sungguh Kalamullah yang disampaikan oleh Jibril utusan yang mulia. Yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi, di sisi Allah yang mempunyai 'Arasy. Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai.

Semasa awal penurunan ayat-ayat al-Quran, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersungguh-sungguh menghafaz dan mengulang-ulang bacaan bersama-sama dengan bacaan Jibril *alaihissalam* kerana kerana kkuatir tidak dapat menghafaz al-Quran dengan sempurna. Lalu Allah *subhanahu wata'ala* menegur Baginda supaya mendengar bacaan Jibril dengan baik sebelum menghafaz bacaan yang dibacakan oleh Jibril *alaihissalam*. Allah menjamin akan menetapkan al-Quran dalam dada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Toha ayat 114 :

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُل رَّبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya : Maka Maha Tinggiilah Allah, Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar. Dan janganlah engkau tergesa-gesa membaca Al-Qur'an sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.

Rasulullah *sallallahu alaihi wassallam* berusaha menghafal al-Quran dan menzahirkannya agar berjaya menghafalnya seperti ia diturunkan dengan membaca dan tadabbur al-Quran dalam solat pada setiap malam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Muzzammil ayat 1 hingga 4 :

يَأْتِيهَا الْمَزْمَلُ ﴿١﴾ قُمْ أَلَيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِصْفَهُ أَوْ أَنْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ
وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

Maksudnya : Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah sembahyang tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil".

Setiap kali bulan Ramadhan tiba, pada setiap malam, baginda *sallallahu alaihi wasallam* memperdengarkan bacaannya kepada Jibril *alaihissalam* untuk mengulangkaji ayat-ayat al-Quran yang baginda telah terima.

Sejak baginda menerima wahyu, baginda terus membaca, berdakwah dan mengajarkannya berperingkat-peringkat bermula

dari keluarganya yang terdekat iaitu isterinya, Khadijah binti Khuwailid, sepupunya Ali bin Abi Talib dan anak angkatnya Zaid bin Harithah *radhiAllahu anhum*. Kemudian sahabatnya yang terdekat Abu Bakar *radhiAllahu anhu* yang kemudiannya membawa teman-temannya yang lain seperti Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin 'Auf dan lain-lainnya.

Bagi memastikan al-Quran tetap terpelihara, walaupun al-Quran terpahat kukuh di hati baginda dan para sahabat, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menyuruh para sahabat menulis al-Quran. Al-Quran ditulis di atas pelepah tamar, kulit binatang, kayu dan sebagainya. Para sahabat seperti khulafa' ar-Rasyidin, Ubai bin Ka'ab, Abu Darda', Abu Musa al-Asy'ari, Abdullah bin Mas'ud, Muaz bin Jabal, Muawiyah bin Abi Sufyan, Zubair bin Awwam, Amir bin Fuhairah dan Zaid bin Thabit *radhiAllahu anhum* merupakan penulis-penulis wahyu kepada baginda *sallallahu alaihi wasallam*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Begitulah serba sedikit, kita dapat mengetahui sejarah bagaimana al-Quran dihafal oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiAllahu anhum* dan kesungguhan mereka memelihara dan mengumpulnya dalam bentuk dokumentasi.

Terlintas di fikiran kita, siapakah yang layak menghafal al-Quran? Kita sebagai orang Islam, tidak dapat tidak mesti menghafal sekurang-kurangnya surah al-Fatihah yang merupakan rukun qauli yang wajib dibaca di dalam solat. Namun, adakah ianya memadai?

Adakah menghafal al-Quran hanya untuk mereka yang belajar di pusat-pusat dan madrasah-madrasah tahfiz sahaja? Sudah tentu tidak. Sesiapa sahaja dalam kalangan orang beriman adalah layak untuk menghafal al-Quran, malahan Allah *subhanahu wata'ala* menawarkan kepada kita melalui firman-Nya dalam surah al-Qamar, ayat 17 :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya : *Dan sesungguhnya! Kami telah memudahkan a-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?*

Dalam hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, terdapat banyak galakan untuk kita menghafal al-Quran. Antaranya ialah hadis Sayyidina 'Uqbah bin Amir *radhiAllahu anhu* yang meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((*Jika al-Quran itu dimasukkan ke dalam kulit dan kemudian dicampakkan ke dalam api nescaya kulit itu tidak akan terbakar.*))

(*Hadis riwayat ad-Darimi*)

Dalam riwayat lain pula ada menjelaskan bahawa orang yang menghafal al-Quran itu dapat menolong keluarganya yang akan dimasukkan ke dalam neraka. Sayyidina Ali *radhiAllahu anhu* berkata bahawa Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* bersabda, :

((Sesiapa yang membaca al-Quran lalu menghafalkannya dan menghalalkan apa-apa yang halal dalamnya dan mengharamkan apa-apa yang haram dalamnya akan dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah, dan Allah akan menerima syafaatnya yang diberi kepada sepuluh orang daripada ahli rumahnya yang semua mereka telah wajib masuk neraka))

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi dan Imam Ahmad)

Ibu bapa kepada penghafal al-Quran turut mendapat ganjaran dari Allah *subhanahu wata'ala*. Sayyidina Muaz Juhani meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud :

((Sesiapa yang membaca al-Quran dan beramal dengan apa-apa yang terkandung dalamnya maka kedua-dua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari, jika matahari itu berada di dalam rumah-rumah kamu di dunia ini. Bayangkanlah bagaimana pula keadaan orang yang dirinya sendiri beramal dengan al-Quran?))

(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud)

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, diharap ianya dapat meningkatkan keinginan kita untuk menghafal a-Quran. Luangkanlah masa walaupun sedikit, sekurang-kurangnya membaca beberapa petikan ayat al-Quran dalam sehari. Masa lapang yang Allah kurniakan, gunakanlah untuk menghafal surah-surah yang menjadi kelaziman

untuk dibaca di dalam solat dan di luarnya seperti surah-surah di dalam juzuk 30, surah al-Mulk, surah Yaasin, surah al-Insan, surah al-Waqiah dan sebagainya. Galakkanlah anak-anak kita membaca al-Quran dan mengkhatamkannya selalu dengan harapan agar mereka mudah untuk menghafalkannya kelak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, bersempena dengan Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak Tahun 1440 Hijri/ 2019 Masihi, mimbar menyeru, marilah kita bersama-sama menghadiri acara tersebut yang akan diadakan pada 25 hingga 28 Februari 2019 bertempat di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (Kompleks Islam Sarawak). Mimbar berharap agar pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan, tradisi keilmuan dan lebih-lebih lagi penyemarakan cinta terhadap Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang membawa wahyu dan hidayah kepada kita, sentiasa subur dan berkembang dalam kalangan umat Islam dan rakyat khususnya di Negeri Sarawak Darul Hana ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga

pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadrat-Mu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.